



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 6/2023

PENANGGUHAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SEMPENA MAJLIS TEMU ANWAR DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Temu Anwar di Universiti Malaysia Kelantan bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim akan diadakan pada **18 Jun 2023 (Ahad)** bermula jam 1.20 petang hingga 4.30 petang bertempat di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok.

3. Sehubungan itu, semua Mahasiswa UMK adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri majlis ini. Penglibatan kehadiran Mahasiswa ke majlis tersebut akan diselaraskan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Penangguhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada hari tersebut adalah dibenarkan, dan perlu diganti semula pada waktu yang lain.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

15 JUN 2023

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan-timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan Fakulti